



PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG

Iklan dibukakan kepada warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam sahaja.

ASSISTANT RESIDENT ENGINEER (A.R.E.)
JABATAN PERKHIDMATAN TEKNIKAL
JABATAN KERJA RAYA
B.2 (\$2,445 - \$3,280)
KEKOSONGAN = 04 (EMPAT)

KELAYAKAN MINIMUM

1. Mempunyai kelulusan pendidikan sekurang-kurangnya diperingkat Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam bidang berkaitan.
2. Mempunyai pengalaman kerja di dalam bidang yang berkenaan sekurang-kurangnya 03 (tiga) tahun adalah merupakan satu kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI ASSISTANT RESIDENT ENGINEER

1. Membantu Jurutera dalam menyelia dan memantau kerja-kerja pembinaan di tapak bina agar mematuhi lukisan struktur pembinaan, spesifikasi teknikal, syarat kontrak serta piawaian di Jabatan Kerja Raya;
2. Menjalankan pemeriksaan tapak, memeriksa kualiti bahan binaan dan mutu kerja kontraktor sebelum kerja-kerja diterima dan juga memastikan pematuhan terhadap keperluan keselamatan (*Health, Safety and Environment*);
3. Memantau kemajuan projek mengikut jadual yang ditetapkan serta memastikan projek disiapkan mengikut jadual;
4. Menyediakan laporan harian, mingguan atau bulanan mengenai kemajuan projek, isu di tapak dan tindakan yang telah diambil;
5. Menghadiri mesyuarat bersama Jurutera mengenai perbincangan dengan kontraktor, perunding dan/atau pihak berkepentingan untuk menyelesaikan isu teknikal;
6. Melaksanakan tugas-tugas yang telah diarahkan oleh Jurutera atau Pegawai Atasan dari semasa ke semasa.

Nota:

1. Pemohon dikehendaki untuk mengisi dan mengembalikan **Borang Permohonan Site Staff** yang lengkap, salinan kad pengenalan dan sijil-sijil yang berkenaan melalui e-mel ke uss@pwd.gov.bn **tidak lewat dari hari Ahad, 06 September 2026.**
2. Hanya pemohon yang memenuhi syarat sahaja akan dihubungi.
3. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai permohonan, Pemohon boleh menghubungi **Unit Site Staff** di talian **2383911 sambungan 101.**